

PEMBANGUNAN MODEL PENILAIAN BERSEPADU KOMPETENSI GURU BUKAN OPSYEN DALAM PENDIDIKAN SENI VISUAL

DEVELOPMENT OF AN INTEGRATED ASSESSMENT MODEL FOR NON-OPTION TEACHERS' COMPETENCY IN VISUAL ARTS EDUCATION

Rahanah Abdul Rahman^{1*}
Mohammad Pu'ad Bebit²
Norhayati Ayob³

¹ Akedemi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu 88400, Sabah, Malaysia
(Email: rahanahabdulrahman@gmail.com)

² Akedemi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu 88400, Sabah, Malaysia
(Email: sifuart@ums.edu.my)

³ Akedemi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu 88400, Sabah, Malaysia
(Email: n_hayati@ums.edu.my)

Article history

Received date : 5-8-2026
Revised date : 6-8-2026
Accepted date : 12-9-2026
Published date : 13-9-2026

To cite this document:

Abdul Rahman, R., Bebit, M. P., & Ayob, N. (2026).
Pembangunan model penilaian bersepadu kompetensi
guru bukan opsyen dalam Pendidikan Seni Visual.
*Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 11 (86), 25 – 34.

Abstrak: Kajian ini bertujuan membangunkan Model Penilaian Bersepadu Guru Bukan Opsyen (MPBGBO) bagi menilai kompetensi guru bukan opsyen dalam pengajaran Pendidikan Seni Visual (PSV). Keperluan pembangunan model ini berpunca daripada keterbatasan pendekatan penilaian sedia ada yang belum mengintegrasikan penguasaan laras bahasa seni visual dan kemahiran lakaran secara menyeluruh dalam konteks guru bukan opsyen. Kajian menggunakan pendekatan kaedah campuran yang menggabungkan data kuantitatif dan penilaian kemahiran lakaran. Seramai 102 orang guru bukan opsyen terlibat dalam komponen soal selidik penguasaan laras bahasa seni visual, manakala 43 orang guru terlibat dalam penilaian kemahiran lakaran menggunakan Rubrik Penilaian Kemahiran Lakaran (PKL) berasaskan Taksonomi SOLO. Pembangunan model disokong oleh kerangka Pedagogical Content Knowledge (PCK), Discipline-Based Art Education (DBAE) dan Taksonomi SOLO. Dapatan menunjukkan penguasaan laras bahasa seni visual berada pada tahap sederhana dengan min keseluruhan 3.14, manakala majoriti guru berada pada tahap Unistructural (37%) dan Multistructural (33%) dalam kemahiran lakaran. Penilaian lima orang pakar terhadap Rubrik PKL menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dengan nilai min antara 4.80 hingga 5.00. Berdasarkan dapatan tersebut, MPBGBO dibangunkan sebagai kerangka awal yang mengintegrasikan domain penguasaan laras bahasa seni visual, kemahiran lakaran dan faktor pengetahuan sedia ada. Kajian ini menyumbang kepada pembangunan pendekatan penilaian kompetensi guru bukan opsyen PSV yang lebih sistematik dan berpotensi menyokong perancangan pembangunan profesional yang bersasaran.

Kata Kunci: Model Penilaian Bersepadu, guru bukan opsyen, pendidikan seni visual, kompetensi guru, SOLO, laras bahasa seni visual

Abstract: *This study aims to develop an Integrated Assessment Model for Non-Option Teachers (MPBGBO) to assess the competency of non-option teachers in teaching Visual Arts Education (PSV). The need for developing this model stems from the limitations of existing assessment approaches, which have yet to comprehensively integrate the mastery of visual arts language register and sketching skills within the context of non-option teachers. The study employs a mixed-methods approach that combines quantitative data and assessment of sketching skills. A total of 102 non-option teachers participated in the questionnaire component on the mastery of visual arts language register, while 43 teachers took part in the sketching skills assessment using the Sketching Skills Assessment Rubric (PKL) based on the SOLO Taxonomy. The development of the model is underpinned by the Pedagogical Content Knowledge (PCK) framework, Discipline-Based Art Education (DBAE), and the SOLO Taxonomy. The findings indicate that the mastery of visual arts language register is at a moderate level, with an overall mean of 3.14, while the majority of teachers are at the Unistructural (37%) and Multistructural (33%) levels in sketching skills. The assessment by five experts of the PKL Rubric demonstrates a high level of agreement, with mean values ranging from 4.80 to 5.00. Based on these findings, MPBGBO is developed as an initial framework that integrates the domains of visual arts language register mastery, sketching skills, and prior knowledge factors. This study contributes to the development of a more systematic approach to assessing the competency of non-option PSV teachers and has the potential to support targeted professional development planning.*

Keywords: *Integrated Assessment Model, non-option teachers, visual arts education, teacher competency, SOLO, visual arts language register*

Pengenalan

Pendidikan Seni Visual (PSV) menuntut guru yang mempunyai penguasaan kandungan, kemahiran praktikal dan keupayaan mengkomunikasikan pengetahuan disiplin secara tepat. Dalam konteks pengajaran PSV, penguasaan laras bahasa seni visual dan kemahiran lakaran merupakan dua domain yang saling berkaitan kerana kedua-duanya menyokong proses penerangan, penghasilan, pentafsiran dan penilaian karya visual. Walau bagaimanapun, pengajaran PSV oleh guru bukan opsyen yang tidak menerima latihan formal dalam bidang seni masih berlaku dalam sistem pendidikan Malaysia (Ping, Yunus & Hashim, 2024; Abdullah & Mahsan, 2025). Kajian terdahulu turut mendokumentasikan cabaran guru bukan opsyen berkaitan penguasaan kandungan, kemahiran praktikal dan pelaksanaan pengajaran (Fuad et al., 2022; Mohd Azly et al., 2021; Martu, 2020).

Batasan instrumen penilaian yang menilai kompetensi guru bukan opsyen secara bersepadu menyebabkan usaha mengenal pasti keperluan pembangunan profesional menjadi kurang tersasar. Penilaian yang hanya menumpukan satu domain, sama ada pengetahuan atau kemahiran, tidak memberikan gambaran menyeluruh tentang kesiapsiagaan guru untuk mengajar PSV. Sehubungan itu, kajian ini membangunkan Model Penilaian Bersepadu Guru Bukan Opsyen (MPBGBO) sebagai satu kerangka awal untuk menilai dua domain utama kompetensi, iaitu penguasaan laras bahasa seni visual dan kemahiran lakaran, dengan mengambil kira pengetahuan sedia ada sebagai faktor konteks.

Objektif Kajian:

- i. Mengenal pasti tahap penguasaan laras bahasa seni visual dalam kalangan guru bukan opsyen.
- ii. Menilai tahap kemahiran lakaran berdasarkan Taksonomi SOLO.
- iii. Membangunkan kerangka MPBGBO sebagai kerangka penilaian kompetensi guru bukan opsyen dalam PSV.

Literature Review

Guru Bukan Opsyen dalam Pendidikan Seni Visual

Kajian berkaitan guru bukan opsyen menunjukkan bahawa cabaran utama bukan sekadar berkaitan status opsyen, tetapi turut melibatkan penguasaan kandungan, kemahiran praktikal dan keyakinan untuk melaksanakan pengajaran dalam disiplin yang bukan bidang latihan asal. Dalam konteks Sarawak, Ampi dan Jamaludin (2023) melaporkan cabaran penguasaan Pendidikan Seni Visual dalam kalangan guru bukan opsyen. Isu keperluan latihan khusus juga telah dikenal pasti lebih awal oleh Jidin (2012), manakala Iberahim Hassan (2002) menegaskan bahawa usaha memperkukuh kedudukan PSV perlu disokong oleh kompetensi guru yang selaras dengan tuntutan kurikulum.

Penilaian Kompetensi dan Taksonomi SOLO

Taksonomi Structure of the Observed Learning Outcome (SOLO) oleh Biggs dan Collis (1982) menyediakan kerangka hierarki untuk menilai kualiti hasil pembelajaran daripada tahap Prestructural hingga Extended Abstract. Dalam kajian ini, SOLO digunakan sebagai asas adaptasi penilaian kemahiran lakaran kerana tahapnya membolehkan perkembangan kefahaman dan keupayaan mengintegrasikan elemen visual diperhatikan secara berperingkat. Pembangunan rubrik pula memerlukan bukti kesahan dan kebolehpercayaan yang sesuai sebelum digunakan secara lebih meluas (Moskal & Leydens, 2001; Azmanirah et al., 2019).

Asas Konseptual Pembangunan MPBGBO

MPBGBO dibangunkan dengan berasaskan tiga kerangka utama yang mempunyai fungsi berbeza tetapi saling melengkapi. Pedagogical Content Knowledge (PCK) oleh Shulman (1986) menjadi asas untuk memahami hubungan antara pengetahuan kandungan dan keupayaan guru menyampaikannya dalam pengajaran. Discipline-Based Art Education (DBAE) pula memberikan konteks disiplin Pendidikan Seni Visual yang merangkumi penghasilan seni, kritikan seni, sejarah seni dan estetika (Clark, Day & Greer, 1987; Basak, 2017). Sementara itu, Taksonomi SOLO menyediakan asas penilaian hierarki bagi perkembangan kemahiran lakaran. Kerangka Bruner dan Vygotsky digunakan sebagai sokongan konseptual dalam mentafsir perkembangan pembelajaran dan keperluan pembangunan profesional, tetapi tidak diletakkan sebagai asas utama pembinaan skor model.

Jurang Kajian dan Keperluan Pembangunan MPBGBO

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kajian terdahulu telah memberikan perhatian terhadap cabaran guru bukan opsyen, penguasaan kandungan, strategi pengajaran dan pelaksanaan pentaksiran. Namun demikian, penilaian kompetensi dalam konteks guru bukan opsyen PSV masih cenderung memberi tumpuan kepada domain tertentu secara berasingan. Berdasarkan literatur yang dirujuk dalam kajian ini, terdapat keperluan untuk membangunkan satu pendekatan penilaian yang menghubungkan penguasaan laras bahasa seni visual dengan kemahiran lakaran sebagai dua domain kompetensi yang berkait secara langsung dengan

pengajaran PSV. Jurang inilah yang menjadi asas kepada pembangunan Model Penilaian Bersepadu Guru Bukan Opsyen (MPBGBO).

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran dengan menggabungkan data kuantitatif mengenai penguasaan laras bahasa seni visual dan data penilaian kemahiran lakaran bagi menghasilkan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang kompetensi guru bukan opsyen. Integrasi kedua-dua bentuk data digunakan sebagai asas pembangunan kerangka MPBGBO (Creswell & Creswell, 2018). Pendekatan ini membolehkan domain pengetahuan yang dilaporkan oleh guru diteliti bersama bukti prestasi kemahiran yang dinilai melalui karya lakaran.

Sampel dan Lokasi

Kajian melibatkan dua kumpulan sampel melalui persampelan bertujuan. Seramai 102 orang guru bukan opsyen terlibat dalam komponen soal selidik, manakala 43 orang guru terlibat dalam penilaian kemahiran lakaran. Kajian dilaksanakan di sekolah menengah kebangsaan di Sarawak berdasarkan konteks pelaksanaan PSV dan kehadiran guru bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran tersebut. Saiz sampel kuantitatif dirujuk kepada panduan Krejcie dan Morgan (1970), namun dapatan kajian ditafsirkan dalam konteks sampel dan lokasi kajian tanpa membuat generalisasi mutlak kepada keseluruhan populasi guru bukan opsyen di Malaysia.

Pembangunan Instrumen

Instrumen soal selidik mengandungi 32 item yang dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu 12 item bagi konstruk penguasaan laras bahasa seni visual dan 20 item bagi pengetahuan sedia ada sebagai faktor konteks. Item menggunakan skala Likert lima mata dan dibangunkan berdasarkan konstruk yang dikenal pasti dalam literatur serta melalui pertimbangan pakar bidang PSV dan bahasa (Sekaran & Bougie, 2016; DeVellis, 2016; Cohen, Manion & Morrison, 2018). Rubrik PKL pula diadaptasi daripada prinsip Taksonomi SOLO dan digunakan untuk menilai tahap kemahiran lakaran secara hierarki. Kajian rintis dilaksanakan bagi meneliti kebolegunaan instrumen sebelum pengumpulan data sebenar.

Prosedur Penilaian Pakar

Rubrik PKL dinilai oleh lima orang pakar yang terdiri daripada pensyarah IPG dan guru pakar PSV yang mempunyai pengalaman melebihi 15 tahun. Panel menilai enam kriteria, iaitu kesahan kandungan, kesesuaian adaptasi SOLO, kejelasan kriteria, ketepatan tahap, kesesuaian bahasa dan kebolegunaan menggunakan skala Likert lima mata. Analisis deskriptif melibatkan nilai min dan sisihan piawai digunakan untuk menggambarkan tahap persetujuan panel pakar berdasarkan panduan interpretasi yang dirujuk daripada Mohd Majid (2000) dan Darusalam dan Hussin (2016).

Pembangunan Model


MPBGBO dibangunkan melalui sintesis dapatan empirikal dan asas konseptual kajian. Dua domain utama, iaitu penguasaan laras bahasa seni visual dan kemahiran lakaran, membentuk teras penilaian. Pengetahuan sedia ada pula digunakan sebagai faktor konteks untuk membantu pentafsiran profil kompetensi guru. Pemberat 40% bagi penguasaan laras bahasa dan 60% bagi kemahiran lakaran dalam versi awal model digunakan sebagai cadangan operasi berdasarkan kepentingan relatif kedua-dua domain dalam konteks pengajaran PSV. Pemberat ini tidak

dianggap muktamad dan memerlukan pengesahan empirikal lanjut melalui kaedah penentuan pemberat berasaskan pakar atau analisis statistik pada kajian akan datang.

Dapatan Kajian

Penilaian Pakar terhadap Rubrik PKL

Rajah 1 menunjukkan hasil penilaian lima orang pakar terhadap Rubrik PKL. Semua kriteria memperoleh nilai min antara 4.80 hingga 5.00 dengan sisihan piawai antara 0.000 hingga 0.447. Dapatan ini menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dalam kalangan panel pakar terhadap aspek kandungan, adaptasi SOLO, kejelasan kriteria, ketepatan tahap, kesesuaian bahasa dan kebolegunaan rubrik.



Rajah 1: Hasil Penilaian Pakar Rubrik


Secara keseluruhan, penilaian ini memberikan bukti awal kesahan kandungan bagi Rubrik PKL sebagai salah satu instrumen utama dalam MPBGBO. Walau bagaimanapun, bukti ini tidak ditafsirkan sebagai pengesahan menyeluruh terhadap keseluruhan model. Pengujian lanjut, termasuk kebolehpercayaan antara penilai dan pengesahan struktur model, masih diperlukan sebelum MPBGBO digunakan secara meluas.

Penguasaan Laras Bahasa Seni Visual (n=102)

Min keseluruhan penguasaan laras bahasa seni visual ialah 3.14. Berdasarkan interpretasi skala lima mata yang digunakan dalam kajian, nilai ini menunjukkan tahap penguasaan sederhana. Dapatan turut menunjukkan jurang antara kefahaman konsep (min = 3.21) dan aplikasi dalam pengajaran (min = 3.01). Perbezaan ini menunjukkan bahawa pemahaman terhadap istilah atau konsep tidak semestinya diterjemahkan secara langsung kepada penggunaan dalam amalan pedagogi. Motivasi untuk merujuk guru opsyen pula mencatatkan min 3.71, yang menunjukkan kecenderungan positif untuk mendapatkan sokongan dalam meningkatkan penguasaan bidang.

Kemahiran Lakaran Berasaskan Taksonomi SOLO (n=43)

Rajah 2 menunjukkan taburan tahap kemahiran lakaran berdasarkan Taksonomi SOLO. Majoriti peserta berada pada tahap Unistructural (37%) dan Multistructural (33%), diikuti Prestructural (26%) dan Relational (5%). Tiada peserta mencapai tahap Extended Abstract. Corak ini menunjukkan bahawa sebahagian besar guru berada pada tahap penguasaan yang melibatkan pemahaman asas atau penguasaan beberapa aspek secara berasingan, manakala keupayaan mengintegrasikan pelbagai elemen visual secara menyeluruh masih terhad.




Rajah 2: Tahap Kemahiran Lakaran GBO

Model MPBGBO: Struktur Dan Cadangan Penggunaan

Struktur Model

MPBGBO dibina sebagai kerangka penilaian yang membezakan antara domain penilaian utama dan faktor konteks. Pendekatan ini penting bagi mengelakkan pengetahuan sedia ada dianggap sebagai komponen skor yang setara dengan bukti kompetensi utama.



Rajah 3: Kerangka Model Penilaian Bersepadu Guru Bukan Opsyen

Jadual 1: Komponen dalam Model Penilaian Bersepadu Guru Bukan Opsyen

Komponen	Peranan dalam Model	Instrumen / Bukti	Status
Domain I: Penguasaan Laras Bahasa Seni Visual	Menilai penguasaan terminologi dan aplikasi bahasa disiplin	12 item soal selidik, Skala Likert 5 mata	Domain penilaian utama
Domain II: Kemahiran Lakaran Visual	Menilai prestasi kemahiran lakaran secara autentik	Rubrik PKL berasaskan 5 tahap SOLO	Domain penilaian utama
Pengetahuan Sedia Ada	Membantu mentafsir latar kompetensi dan keperluan pembangunan	20 item soal selidik	Faktor konteks

Pemberat dan Pentafsiran Skor

Versi awal MPBGBO mencadangkan pemberat 40% bagi penguasaan laras bahasa seni visual dan 60% bagi kemahiran lakaran. Pemberat ini digunakan sebagai cadangan operasi awal dan bukan sebagai ambang muktamad yang telah disahkan secara empirikal. Oleh itu, penggunaan skor bersepadu hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati sehingga kajian lanjutan menentukan pemberat optimum melalui konsensus pakar atau kaedah analisis yang lebih mantap.

Cadangan Prosedur Aplikasi Model

Seterusnya, dalam aplikasi yang dicadangkan, penilaian boleh dilaksanakan melalui tiga peringkat. Peringkat pertama melibatkan penilaian sendiri menggunakan soal selidik bagi mengenal pasti penguasaan laras bahasa seni visual dan latar pengetahuan sedia ada. Peringkat kedua melibatkan penilaian autentik melalui penghasilan lakaran bertema dan pentaksiran menggunakan Rubrik PKL. Peringkat ketiga dicadangkan sebagai dokumentasi reflektif, iaitu guru menghuraikan keputusan teknikal dan estetik menggunakan bahasa seni visual. Peringkat ketiga merupakan cadangan pengukuhan model untuk aplikasi masa hadapan dan belum digunakan sebagai sumber data utama dalam kajian ini.

Zon Kompetensi sebagai Cadangan Awal

MPBGBO mencadangkan empat zon kompetensi awal, iaitu Zon Pra-Asas, Zon Membangun, Zon Mantap dan Zon Pakar. Penetapan zon ini dibina sebagai panduan interpretatif awal berdasarkan julat skor skala lima mata dan tahap perkembangan kompetensi. Ambang zon tidak dianggap sebagai standard normatif dan memerlukan pengesahan lanjut melalui prosedur standard setting, penilaian pakar dan pengujian terhadap sampel yang lebih besar. Oleh itu, zon kompetensi dalam artikel ini perlu difahami sebagai cadangan operasi bagi menyokong pembangunan profesional secara berfasa.

Jadual 2: Empat kompetensi awal

Zon	Cadangan Julat Skor	Interpretasi Awal
Pra-Asas	< 2.50	Memerlukan pengukuhan asas secara intensif
Membangun	2.50–3.24	Mempunyai asas tetapi memerlukan latihan berstruktur
Mantap	3.25–4.00	Menunjukkan penguasaan yang lebih konsisten
Pakar	> 4.00	Menunjukkan tahap penguasaan tinggi dan berpotensi menjadi rujukan

Perbincangan

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penilaian kompetensi guru bukan opsyen PSV memerlukan pendekatan yang tidak hanya bergantung pada persepsi sendiri. Penguasaan laras bahasa seni visual yang berada pada tahap sederhana perlu diteliti bersama bukti prestasi kemahiran lakaran. Dalam kajian ini, penilaian berasaskan SOLO menunjukkan majoriti peserta berada pada tahap Unistructural dan Multistructural, yang mencadangkan penguasaan kemahiran masih berkembang dan keupayaan mengintegrasikan pelbagai aspek visual belum mantap.

Dari sudut konseptual, MPBGBO menghubungkan PCK sebagai asas pemahaman kompetensi guru, DBAE sebagai konteks disiplin seni visual dan SOLO sebagai asas hierarki penilaian kemahiran. Gabungan ini membolehkan model memberi perhatian kepada hubungan antara bahasa disiplin dan prestasi praktikal. Namun, sumbangan utama model pada tahap ini ialah penyediaan kerangka penilaian awal, bukannya bukti muktamad tentang keberkesanan model dalam semua konteks.

Selain daripada itu, pemberat 40% dan 60%, zon kompetensi serta cadangan prosedur tiga peringkat perlu terus diuji dalam penyelidikan lanjutan. Penentuan pemberat secara lebih empirikal boleh dilakukan melalui konsensus pakar, kaedah Delphi atau pendekatan lain yang sesuai. Begitu juga, kebolehppercayaan antara penilai bagi Rubrik PKL perlu diuji secara sistematik untuk memastikan konsistensi penarafan. Langkah-langkah tersebut penting bagi memperkukuh kebolegunaan MPBGBO sebelum dilaksanakan secara lebih meluas.

Sehubungan itu juga, kajian ini juga mempunyai beberapa keterbatasan. Sampel kajian tertumpu kepada Sarawak dan menggunakan persampelan bertujuan, maka generalisasi perlu dilakukan secara berhati-hati. Saiz sampel bagi penilaian kemahiran lakaran juga terhad kepada 43 orang guru. Selain itu, pengesahan pakar dalam kajian ini memberikan bukti awal terhadap kandungan Rubrik PKL dan tidak menggantikan pengesahan menyeluruh terhadap struktur keseluruhan model. Oleh itu, kajian lanjutan merentas negeri, konteks sekolah dan kumpulan guru yang lebih pelbagai diperlukan.

Kesimpulan

Kajian ini membangunkan MPBGBO sebagai kerangka awal untuk menilai kompetensi guru bukan opsyen dalam Pendidikan Seni Visual melalui pengintegrasian dua domain utama, iaitu penguasaan laras bahasa seni visual dan kemahiran lakaran, dengan pengetahuan sedia ada sebagai faktor konteks. Dapatan menunjukkan penguasaan laras bahasa berada pada tahap sederhana dengan min keseluruhan 3.14, manakala majoriti guru berada pada tahap Unistructural dan Multistructural dalam kemahiran lakaran. Penilaian pakar pula memberikan bukti awal kesahan kandungan yang positif terhadap Rubrik PKL.

Sumbangan utama kajian ialah cadangan pendekatan penilaian yang menghubungkan pengetahuan bahasa disiplin dengan bukti prestasi kemahiran praktikal dalam satu kerangka. Walau bagaimanapun, MPBGBO masih memerlukan pengesahan empirikal lanjut terhadap pemberat, zon kompetensi, kebolehppercayaan antara penilai dan keberkesanan penggunaannya dalam pembangunan profesional guru. Dengan pengujian lanjut, model ini berpotensi menjadi panduan yang lebih sistematik untuk mengenal pasti keperluan latihan dan merancang pembangunan profesional guru bukan opsyen PSV secara bersasaran.

Rujukan

- Abdullah, N., & Mahsan, I. P. (2025). *Guru bukan opsyen Pendidikan Seni Visual: The need to use various teaching strategies in the teaching (PdP) module for non-optional teachers*. 86–95. <https://doi.org/10.55573/JISED.107207>
- Adeniji, S. M., Baker, P., & Schmude, M. (2022). *Structure of the Observed Learning Outcomes (SOLO) model: A mixed-method systematic review of research in mathematics education*. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 18(6). <https://doi.org/10.29333/ejmste/12087>
- Ampi, K. A., & Jamaludin, K. A. (2023). *Art trail and mastery of Visual Arts Education among non-option teachers in Sarawak*. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(4), 583–592.
- Azmanirah, A. R., Nurfirdawati, M. H., Anizam, M. Y., & Halizah, A. (2019). *Analisis kefungsian skala bagi pembinaan rubrik pentaksiran kompetensi amali*. *Online Journal for TVET Practitioners*, 4(2), 120–126.
- Basak, R. (2017). *Pendidikan Seni berasaskan disiplin (DBAE) dan budaya visual*. <https://doi.org/10.26579/jocress-7.4.26>
- Biggs, J., & Collis, K. F. (1982). *Evaluating the quality of learning: The SOLO taxonomy*. Academic Press.
- Clark, G. A., Day, M. D., & Greer, W. D. (1987). *Discipline-Based Art Education: Becoming students of art*. *Journal of Aesthetic Education*, 21(2), 129–193.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). *Research methods in education (8th ed.)*. Routledge.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. Sage Publications.
- Darusalam, G., & Hussin, S. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- DeVellis, R. F. (2016). *Scale development: Theory and applications (Vol. 26)*. Sage Publications.
- Fuad, M., Tajuddin, A., & Zulkifli, H. (2022). *Faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pengetahuan isi kandungan (PIK) bidang Jawi dalam kalangan guru Pendidikan Islam*. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1).
- Iberahim Hassan. (2002). *Isu memartabatkan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual*. *UPSI Journal*, 1–14.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining sample size for research activities*. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Martu, M. (2020). *Kesan pengajaran Pendidikan Seni Visual dalam kalangan guru bukan opsyen*. [Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan].
- Mohd Azly, M., et al. (2021). *Pengaruh guru bukan opsyen dalam pengajaran Pendidikan Seni Visual sekolah menengah*. [Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru].
- Mohd Majid, K. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan (5th ed.)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moskal, B. M., & Leydens, J. A. (2001). *Scoring rubric development: Validity and reliability*. *Practical Assessment, Research, and Evaluation*, 7(10).

- Ping, O. W., Yunus, M. M., & Hashim, H. (2024). *Challenges of non-option teachers in teaching Visual Arts Education: A systematic literature review*. *Creative Education*, 15(1), 1–12.
- Roslina Mohd Nor. (2020). *Keberkesanan program pembangunan profesional guru dalam meningkatkan kompetensi pengajaran*. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 13(2), 1–14.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill-building approach (7th ed.)*. John Wiley & Sons.
- Shulman, L. S. (1986). *Those who understand: Knowledge growth in teaching*. *Educational Researcher*, 15(2), 4–14.